



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====  
**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian.

- *Business Information Technology*
- *Computer Science*
- *Computer Studies*
- *Computing and System Development*
- *Information Infrastructure*
- *Information System*
- *Information Technology*
- *Internet Technology*
- *IT Infrastructure*
- *Networking / Network Support*
- *Programming / Software Development*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah:

- i) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.



#### ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12/ G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
4. Mempunyai pengalaman yang luas sebagai Pegawai Kanan adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dalam membuat kajian-kajian / kertas kerja yang berkaitan dengan teknologi info-komunikasi dalam pendidikan (*ICT in Education*) adalah satu keutamaan.
6. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Teknologi Maklumat dan menjadi rujukan berkaitan teknologi maklumat di Kementerian Hal Ehwal Ugama;
2. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran, kewangan dan aset di Bahagian Teknologi Maklumat;
3. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan IT / EdTech yang melibatkan perancangan strategik ICT, pengurusan projek dan pengurusan maklumat Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Hal Ehwal Ugama;
4. Bertanggungjawab dalam pemantauan hal ehwal pembangunan sistem keselamatan ICT, perolehan perkalasan / perisian, rangkaian dan pangkalan data;
5. Bertanggungjawab dalam melaksanakan program-program peningkatan pembangunan IT di kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama;
6. Bekerjasama dengan Jabatan / Bahagian / Unit lain berkaitan pelaksanaan projek-projek IT;
7. Bertanggungjawab menghadapkan laporan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai perkara-perkara diatas;
8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.